



## MATLAMAT PENJAGAAN NYAWA DAN APLIKASINYA DALAM UNDANG-UNDANG JALANRAYA

Muhammad 'Azamuddin Mohd Noh, Muhammad Alif Abdul Shukor, Muhammad Zulfaqqar Ajmi, Adam Sharip\* & Wan Mohd Yusof Wan Chik  
[adamshrp38@gmail.com](mailto:adamshrp38@gmail.com)

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Saban hari kes berkaitan kemalangan jalanraya sering dilaporkan dalam media massa. Ia boleh mengakibatkan kehilangan harta, anggota bahkan adakalanya meragut nyawa. Hal ini tentunya tidak selari dengan saranan Islam supaya setiap individu mahupun komuniti memulihara nyawa dan diri. Antara sebab utama berlakunya kemalangan adalah kegagalan pengguna jalan raya untuk mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. **Objektif Kajian:** Kajian ini bertujuan bagi membincangkan amalan pelaksanaan undang-undang jalan raya yang bermatlamatkan penjagaan nyawa (*hifz al-Nafs*) yang merupakan salah satu konsep dalam maqasid Syariah. **Tujuan:** Justeru, kertas kerja ini bertujuan bagi membincangkan kepentingan aplikasi undang-undang jalan raya sebagai medium untuk merealisasikan penjagaan nyawa sebagaimana yang disarankan dalam perbincangan Maqasid Shariah. **Metodologi:** Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang berasaskan pengumpulan bahan-bahan kepustakaan. Bahan-bahan yang dikumpulkan, kemudiannya akan dianalisis secara induktif dan deduktif. **Dapatan:** Kajian mendapati bahawa penjagaan nyawa sememangnya diakui sebagai salah satu matlamat Syariat Islam dan ia adalah sesuai sekali diletakkan sebagai matlamat asas dalam undang-undang jalanraya sama ada dalam bentuk penganunanan mahupun aplikasi. Syariat Islam juga membenarkan pihak berkuasa untuk menetapkan apa yang perlu berdasarkan konsep kemaslahatan kepada rakyatnya sama ada dalam bentuk meraih kemaslahatan mahupun mencegah kefasadan. Pengguna jalanraya semestinya menerima undang-undang jalanraya sebagai satu kewajipan yang diterima oleh syarak berdasarkan prinsip masalah mursalah. **Kesimpulan:** Matlamat penjagaan nyawa pengguna jalanraya merupakan asas utama dalam merangka undang-undang jalanraya.

**Kata kunci:** Undang-undang jalanraya, Penjagaan Nyawa, Matlamat, Maqasid Syariah

---

### Pengenalan

Pelaksanaan undang-undang jalanraya yang sistematik amat penting dalam menjaga kemaslahatan masyarakat untuk menggunakan jalanraya dengan selamat. Pelaksanaan undang-undang merupakan satu strategi atau kaedah yang baik dalam mengawal perilaku masyarakat supaya tidak bertindak melampaui batas dalam sesuatu perkara yang akan mengancam keselamatan negara dan orang awam sekitarnya. Dengan adanya undang-undang, masyarakat akan menjadi lebih terkawal, penguatkuasaan terhadap

pesalah dapat dijalankan dan keadilan dapat ditegakkan. Undang-undang menjamin keadilan semua pihak tidak kira bangsa, budaya dan agama (Umbi Lily Pekuwali, 2008).

Penurunan syariat juga boleh dianggap sebagai undang-undang kepada hamba Allah SWT. Setiap orang yang beriman wajib melaksanakan perkara yang diwajibkan oleh Allah, dan meninggalkan segala perkara yang dilarang oleh-Nya. Dengan adanya syariat, kehidupan manusia terpandu dengan baik serta hidup dalam keadaan aman dan damai. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: *Dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat, dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.*

Allah SWT juga berfirman di dalam Surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلٌ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mendekati zina. Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

Jelas di sini bahawa al-Quran diturunkan kepada manusia dengan membawa syariat dan undang-undang daripada Allah kepada manusia. Secara tidak langsung menunjukkan penerapan undang-undang dan peraturan sangat penting dalam melahirkan satu bangsa yang sejahtera.

Hampir seluruh negara di dunia mempunyai undang-undang jalanraya tersendiri bagi membendung kes dan isu-isu yang berkaitan dengan jalanraya. Kajian dan perancangan yang teliti perlu dijalankan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan jalanraya. Di Malaysia, Undang-undang jalanraya adalah tertakluk di bawah Akta 333, Pengangkutan Jalan 1987. Akta ini mencangkupi semua hal yang berkaitan dengan jalanraya sama ada daripada sudut pelanggaran peraturan jalanraya atau garis panduan motokar yang diguna pakai di atas jalanraya.

Pelbagai strategi dan usaha yang telah dijalankan oleh pihak yang berwajib dalam menangani isu kemalangan jalanraya. Kerajaan telah memperuntukkan sebilangan wang daripada bajet negara dalam memperbaiki dan menguruskan perkara yang berkaitan dengan keselamatan jalanraya (Mohamad Khan Jamal Khan, 2002). Undang-undang ini penting dalam membendung isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang jalanraya. Antara matlamat utama digubal undang-undang ini adalah untuk menjaga nyawa manusia.

Menurut Muhammad Abdul 'Ati (2008) penjagaan nyawa merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Hal ini kerana manusia merupakan makhluk yang dimuliakan oleh Allah SWT. Perkara ini juga bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 34:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: *Dan ingatlah ketika kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia (iblis) dari golongan yang kafir.*

Menurut Ibn Kathir (2018) apabila menafsirkan ayat ini, Allah SWT memberikan kemuliaan yang sangat besar kepada Nabi Adam AS dan umat manusia keseluruhannya sehingga memerintahkan para malaikat untuk sujud kepada Nabi Adam AS.

Kepentingan penjagaan nyawa juga dapat dilihat berdasarkan dalil pengharaman membunuh jiwa tanpa hak. Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-An'am ayat 151:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak).*

Melalui dalil-dalil yang disebutkan, maka para fuqaha' berijtihad bahawa matlamat penjagaan nyawa merupakan salah satu masalah yang penting dan perlu dipelihara. Dalam merealisasikan matlamat ini, perlu diwujudkan undang-undang jalanraya yang sistematik.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan bagi membincangkan amalan pelaksanaan undang-undang jalan raya yang bermatlamatkan penjagaan nyawa (*hifz al-Nafs*) yang merupakan salah satu konsep dalam maqasid syariah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian adalah dengan pengolahan data dan mentranskripsi jurnal dan penulisan-penulisan lepas yang bertujuan bagi menghuraikan secara khusus tentang pelaksanaan undang-undang jalan raya yang bermatlamatkan dengan konsep penjagaan nyawa (*hifz al-Nafs*) dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Segala data yang dikumpul menggunakan kaedah teknik pengolahan data. Data bermaksud maklumat yang benar dan nyata dan atau maklumat atau bahan asas nyata untuk belajar. Data adalah fakta empirikal iaitu dikumpulkan oleh para penyelidik untuk faedah menyelesaikan masalah atau menjawab soalan penyelidikan. Antara contoh data atau statistik kemalangan jalan raya yang berlaku pada setiap tahun boleh didapati melalui laman web Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR). Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah merujuk buku-buku yang berkaitan undang-undang jalan raya dan mengkaji sama ada peraturan atau undang-undang tersebut selaras dengan konsep penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dari sudut maqasid syariah.

### **Dapatan Kajian**

Secara asasnya, undang-undang jalan raya diwujudkan bertujuan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Undang-undang jalan raya ini bertepatan dengan konsep al-maslahah al-mursalah, iaitu masalah yang tidak dinaskan oleh syarak sama ada untuk melakukannya atau meninggalkannya sama ada daripada nas ataupun ijma' ataupun tidak ada hukum syarak sama ada yang selaras dengannya atau yang bercanggah


dengannya (Wahbah Zuhaili, 1986). Ulama mazhab Maliki memgariskan beberapa panduan untuk beramal dengan masalah mursalah iaitu:

1. Hendaklah masalah tersebut bertepatan dengan maqasid syariah.
2. Undang-undang tersebut mestilah diterima oleh akal yang sejahtera dan waras.
3. Peraturan tersebut mestilah bertujuan untuk menjaga perkara dururiyyat (penting) atau menghilangkan kesulitan (Abdul Karim Zaidan, 2014). Firman Allah s.w.t dalam surah al-Hajj ayat 87:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: *Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah.*

Kita dapat melihat undang-undang jalan raya menepati prinsip Maqasid Syariah iaitu penjagaan nyawa dalam beberapa peraturan dalam rajah 1.



### 1) Memakai Tali Pinggang & Topi Keledar

Undang-undang jalan raya telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam menjaga keselamatan kita ketika berada di jalan raya. Oleh itu, setiap pengguna jalan raya perlu bertanggungjawab dan tidak mengambil ringan tentang isu ini. Antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pengguna jalan raya adalah memandu tanpa memakai tali pinggang dan topi keledar. Fungsi penggunaan tali pinggang keledar adalah untuk

melindungi pengguna jalan raya daripada sebarang ancaman pergerakan yang boleh membahayakan pemandu mahupun penumpang kenderaan tersebut. Hal ini dapat menyelamatkan penumpang ketika berlakunya pelanggaran trafik atau ketika kenderaan berhenti secara mengejut. Penggunaannya juga berfungsi untuk mengurangkan risiko kematian atau kecederaan serius semasa pelanggaran dengan mengurangkan daya hentaman pada bahagian dalaman badan manusia dengan cara mengekalkan penumpang pada kedudukan yang betul.

Selain itu, fungsi utama topi keledar adalah sebagai pelindung kepada bahagian kepala bagi meminimumkan kecederaan yang mungkin berlaku dibahagian tersebut apabila berlakunya kemalangan.

Tujuannya adalah untuk mengelak daripada berlakunya kecederaan otak yang mungkin mengakibatkan kecacatan seumur hidup atau boleh mengundang maut.

## **2) Kewajipan Memiliki Lesen Kenderaan Bagi Pemandu Jalan Raya**

Kerajaan telah menetapkan bahawa salah satu syarat seseorang yang ingin memandu di atas jalan raya adalah perlu memiliki lesen. Lesen ini hanya boleh dimiliki setelah berjaya dalam ujian memandu yang dijalankan oleh JPJ. Dalam proses bagi mendapatkan lesen, kerajaan telah menetapkan jumlah jam yang perlu dihabiskan oleh pemohon untuk menjalani latihan memandu dengan cara yang betul.

Langkah ini merupakan tindakan awal yang baik bagi memastikan para pemandu jalan raya mempunyai asas dalam ilmu peraturan jalan raya dan kemahiran memandu.

Latihan memandu juga mendidik masyarakat dalam cara menjaga kenderaan dengan baik sebelum memulakan perjalanan. Kenderaan yang baik sangat penting dalam pemsafiran.

Diriwayatkan oleh Nafi' Bin Abdul Harith daripada Nabi SAW. Baginda bersabda :

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْمَسْكِنُ الْوَاسِعُ ، وَالْجَارُ الصَّالِحُ ، وَالْمَرْكَبُ الْهَنِيءُ

Maksudnya: “Antara (tanda) kebahagiaan seseorang ialah rumah yang luas, jiran yang soleh dan kenderaan tunggangan yang baik.”

Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (457)

Jelaslah bahawa strategi kewajipan memiliki lesen untuk memandu dapat memberikan kebaikan kepada masyarakat. Perkara ini juga bertepatan dengan konsep al-masalih al-mursalah. Menurut Wahbah Zuhaili (1999) Al-maslahah al-mursalah merupakan satu manfaat yang bersesuaian dengan perubahan hukum syarak dan maqasid, tetapi tidak ada dalil khusus tentangnya.

### **3) Penggunaan Lampu Kenderaan yang Menyilaukan**

Terdapat dua fungsi lampu di bahagian hadapan kereta, iaitu lampu malap (*dim*) dan lampu suluh (*beam*). Antara fungsi lampu tersebut adalah untuk membantu mencerahkan dan menerangkan jalan yang berada di hadapan terutama sekali pada waktu malam dan pada waktu hujan. Namun, ada sebilangan pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab menggunakan HID iaitu *high intensity discharged head lamp*. Lampu ini tidak menggunakan finamen sebagaimana lampu kereta yang lain tetapi menggunakan gas *xenon*. Lampu ini menghasilkan cahaya putih yang sangat cerah berbanding dengan lampu kenderaan lain yang menggunakan halogen. Kecerahan lampu HID ini sekitar dua atau tiga kali ganda berbanding dengan kenderaan yang lain.

Walaupun lampu HID ini sangat terang dan membolehkan pemandu untuk melihat dengan jarak yang lebih jauh, namun lampu tersebut sangat menyilaukan penglihatan pemandu yang lain terutama sekali yang berada di arah bertentangan sehingga boleh menyebabkan kemudharatan kepada pemandu tersebut.

Bukan itu sahaja, penggunaan lampu tersebut juga mampu mendatangkan kemudharatan kepada penggunanya sendiri terutama sekali pada waktu hujan. Natiujahnya, penggunaan lampu ini menyebabkan menjadi agak terhad tatkala waktu hujan.

Oleh itu, Jabatan Pengangkutan Jalan Raya tidak membenarkan pemasangan lampu ini pada kenderaan kecuali pemasangan tersebut mendapat kebenaran oleh pihak berkuasa seperti SIRIM. Justeru, mana-mana kenderaan bermotor yang menggunakan lampu ini adalah dilarang sama sekali.. Hal ini demikian kerana penggunaannya merupakan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah kaedah 94 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan)1959 iaitu kenderaan kenderaan bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959 iaitu kenderaan bermotor yang digunakan atas jalan raya dan semua bahagian dan aksesoriya hendaklah sentiasa tidak mengakibatkan atau mungkin mengakibatkan merbahaya pada orang di dalam kenderaan atau di atas jalan raya', kesalahan ini boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih 6 bulan di bawah seksyen 119(1) APJ 1987.

Dari satu sudut perspektif yang lain, peraturan ini bertepatan dengan hadis nabi s.a.w yang melarang kita untuk memudatkan orang lain. Sabda nabi S.A.W:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menetapkan bahawa tidak boleh memudatkan (orang lain) dan tidak boleh membalas mudarat (dengan mudarat)."

(Riwayat Ibn Majah)

Hadis tersebut menerangkan supaya kita menjauhi segala bentuk kemudharatan, Terdapat dua jenis kemudharatan (Mustafa dan Mahyuddin 2006) iaitu:

- 1) Seseorang itu sengaja mendatangkan kemudahan kemudharatan kepada orang lain.
- 2) Perkara yang mendatangkan manfaat pada dirinya tetapi membawa kemudharatan kepada orang lain.



Terdapat suatu kaedah fiqh:

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَىٰ عَلَىٰ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya: menolak kemudharatan lebih diutamakan daripada mendatangkan kemaslahatan.

Sekiranya bertembung antara masalah dan mafsadah, hendaklah kita menolak kemudharatan tersebut terlebih dahulu. Hal ini kerana syarak menekankan kita untuk meninggalkan perkara yang dilarang daripada perkara yang dituntut (Mohamed Sidqi, 1996).

#### **4) Pemanduan Secara Berbahaya**

Pemanduan secara berbahaya merupakan penyumbang utama kepada kemalangan jalan raya. Tindakan laku pemanduan secara agresif dan berbahaya berpotensi untuk mendatangkan kemalangan, Antara perlakuan agresif termasuklah melanggar lampu isyarat, memandu melebihi had laju dan sebagainya (Rozmi Ismail & Noraqilah Zaini, 2017).

Kemalangan jalanraya semakin meningkat daripada semasa ke semasa. Mengikut statistik kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya menunjukkan peningkatan kemalangan jalan raya daripada 1997 hingga tahun 2016. Pada tahun 2017, sebanyak 533,875 kemalangan telah dicatatkan.

Pemanduan secara berbahaya merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang. Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 memperuntukkan mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara memandangi segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan luas jalan dan kesesakan lalu lintas yang ada atau mungkin ada di jalan itu) berbahaya kepada orang awam, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh \*tidak melebihi lima tahun dan didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit.

Sebagai pemandu, kita hendaklah mengelakkan diri daripada memandu secara bahaya supaya dapat mengelakkan diri daripada Kemalangan. Firman Allah S.W.T:

وَلَا تُلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*

Surah al-Baqarah (195)

Ayat tersebut jelas menunjukkan larangan untuk kita meletakkan diri kita di dalam keadaan bahaya lebih-lebih lagi individu. Oleh itu, pemanduan secara bahaya adalah dilarang sama sekali sama ada melibatkan orang lain atau tidak di samping mengangkat prinsip maqasid syariah iaitu penjagaan nyawa, peraturan ini juga dapat dilihat sebagai salah satu bentuk yang dapat menolak kemudharatan kepada orang lain.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang telah ditulis di atas, kami merumuskan bahawa sebagai umat islam kita seharusnya memahami fiqh jalan raya. Mematuhi undang-undang jalan raya tanpa disandarkan dengan kefahaman agama yang kukuh akan menjadikan diri manusia leka menuruti batas dosa dan pahala. Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang penuh menentukan rangka penguatkuasaan jalan dan undang-undang jalan raya bagi memastikan keselamatan para pengguna jalan raya dan harta benda awam dipelihara. Ini menepati maqasid syariah yang menekankan penjagaan terhadap nyawa dan harta benda.

## Rujukan

1. Muhammad bin Ismail. (2018). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. (ms. 340). Dar al-Juzi
2. Muhammad Abdul 'Ati Muhammad. (2007). *Al-Maqasid al-Syariyyah wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islami*. (ms. 177). Kaherah: Dar al-Hadis
3. Abdul Karim Zaidan, (2014). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Damascus: Risalah Publisher. Ms228
4. Wahbah al-Zuhaili (1986) *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Darul Fikri jilid II ms.754
5. Mohamad Sidqi Ahmad (1996) *Al-Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kuliyyah*. Beirut:Muassasah al-Risalah. ms.265

6. Abdul Aziz Hussin dan Nurul Azita Salleh (2013) Undang-undang Jalan Raya dan Pemanduan Berhemah. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka ms.20
7. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (2019) Buku Statistik Keselamatan Jalan Raya Kuala Lumpur:Kementerian Pengangkutan Malaysia ms.5
8. Mustafa Dib al-Bugho (2006) al-Wafi fi Syarh al-Arbain al-Nawawiyah Dar al-Mustafa ms.241
9. Emran Kadir (2006) Buku Kurikulum Pemandu Putrajaya: Kelab Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia ms.48
10. Umbu Lily Pekuwali. (2008). *Mempromosikan Hukum Sebagai Penyeimbang Kepentingan Masyarakat.* (ms. 364) Jurnal Hukum Pro Justitia. Vol 26 No 4
11. Jamal Khan Mohd Khan. (2002). *Keselamatan Jalan Raya: di mana kita.* (ms. 3).
12. Kamarul Azmi Jasmi (2009). Pemanduan Selamat Pada Pandangan Islam. Ms:6
13. Rozmi Ismail (2017). Pemanduan Berisiko dan Agresif serta Penilaian Terhadap Bahaya dan Kemalangan Jalan Raya. ms.6
14. Nuruddin Mukhtar al-Khadimi (2006) *Ilm Maqasid al-Shariah, Jamiah Imam Muhamad Bin Saud Islamiah Riyad* (ms. 38)
15. Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (2008). *Penguatkuasaan Terhadap Lampu HID* (ms. 13)